




LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 25 FEBRUARI 2024



Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat

TAJUK BERITA



- 1. HARGA BERAS KENA MUNASABAH – UTUSAN MALAYSIA**
- 2. RAMAI SERBU PROGRAM MADANI RAKYAT – UTUSAN MALAYSIA**
- 3. BERAS : SISTEM SEDIA ADA PERLU DIUBAH – UTUSAN MALAYSIA**
- 4. FENOMENA EL NINO : JANGKAAN KESANNYA KEPADA MALAYSIA – UTUSAN MALAYSIA**
- 5.3 SYOR TANGANI ISU HARGA BERAS – BERITA HARIAN**
- 6. GUNA STOK PENIMBAL STABILKAN BEKALAN, HARGA BERAS TEMPATAN – BERITA HARIAN**
- 7. HARGA RM30 SEKAMPIT AMBIL KIRA ‘SITUASI MENANG-MENANG’ – BERITA HARIAN**
- 8. GELOMBANG PADI TINGKAT INDUSTRI, PENDAPATAN – SINAR HARIAN**
- 9. PADI FARMERS UNHAPPY WITH GOVT ‘INACTION’ – NEWS STRAIT TIMES**

4 | Mingguan Malaysia
AHAD • 25 FEBRUARI 2024

Harga beras kena munasabah

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Harga beras putih baharu perlu ditetapkan pada kadar munasabah supaya tidak membebankan pengguna dan memberi keadilan kepada pesawah.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood berkata, kadar yang munasabah boleh ditetapkan berdasarkan harga pasaran antara beras import dan tempatan.

"Kalau harga kawalan beras tempatan RM2.60 per kilogram, beras import sudah tentu dalam RM35 ke atas bagi 10kg dan itu banyak beza. Dulu, beras tempatan RM26 dan beras import RM28, bezanya lebih kurang. Jadi (harga) perlu lebih kurang macam itu.

"Harga baharu biarlah mengambil kira semua faktor supaya rakyat boleh terima apa dicadangkan kerajaan."

AZMAN MAHMOOD

kepada yang kurang mampu. Kalau perlu buat harga kawalan maksimum, kita akan laksanakan supaya kita boleh pastikan beras tempatan sentiasa berada dalam pasaran," katanya.

Katanya lagi, harga beras baharu juga harus mempertimbangkan kos yang perlu ditanggung pesawah.

"Pihak pesawah pun perlukan harga baharu kerana kos mereka meningkat. Walaupun kerajaan subsidi 60 peratus tapi baki 40 peratus masih ditanggung oleh pesawah.

"Jadi, kita perlu ambil kira semua aspek sebab itu kita tidak boleh ada perbezaan harga beras import dengan beras tempatan, jurang terlalu besar. Takut manipulasi akan berlaku," katanya.

Katanya, apabila ada harga beras yang lebih baik, ia memberi galakan besar kepada pesawah untuk menanam padi.

"Harga beras yang munasabah bermakna motivasi untuk menanam padi itu lebih tinggi oleh pesawah," katanya.

Semalam, dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Tahun 2024, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi tempoh sehingga 20 Mac 2024 untuk menetapkan harga beras baharu.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengetuai dan menyelaras sesi libat urus secara lebih terperinci dan secepat mungkin, dengan mengambil kira harga belian padi, faktor bekalan, harga beras import dunia, kemampuan bekalan beras tempatan serta kesan kepada pengguna.

"Saya turut mengarahkan supaya hasil libat urus ini dibentang dan dimuktamadkan dalam Mesyuarat NACCOL pada 20 Mac sebelum diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri," katanya.

Beliau juga mengarahkan agar program jualan murah termasuk Jualan Rahmah, Jualan Agro Madani dan lain-lain diperbanyakkan supaya rakyat dapat membeli barangan termasuk beras pada harga lebih rendah berbanding pasaran.

Katanya, Padi-beras Nasional Berhad (BERNAS) juga bersetuju untuk mempertimbangkan semula penawaran harga beras putih import dalam pasaran supaya ia boleh dijual pada harga lebih rendah.



Ramai serbu Program Madani Rakyat

KUALA SELANGOR: Khemah Jualan Rahmah diserbu majoriti pengunjung yang menghadiri Program Madani Rakyat Zon Tengah pada hari kedua berlangsung di Kompleks Sukan Kuala Selangor semalam.

Tinjauan mendapati pengunjung tanpa mengira kaum dan umur tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan bahan mentah pada harga yang murah antaranya beras tempatan dan beberapa barangan lain.

Dalam jualan tersebut, sekampit beras super spesial tempatan seberat lima kilogram (kg) dijual hanya RM13, namun setiap pengunjung hanya dibenarkan membeli dua kampit beras sahaja.

Turut dijual ayam bulat (RM10 seekor), telur ayam gred B/C (RM10 sepapan) dan minyak masak paket (RM2.50 sepeket).

Seorang pengunjung, Chee Yue Kean, 55, berkata, dia berbelanja RM50 membeli bahan makanan di khemah Jualan Rahmah Madani.

"Saya beli sekampit beras, seekor ayam, sepapan telur, beberapa keping daging beku dan sebotol minyak masak. Memang murah harga makanan di sini dan saya harap kerajaan kerap adakan Jualan Rahmah Madani di daerah ini," kata bekas mekanik itu.

Selain khemah Jualan Rahmah Madani, turut mencuri tumpuan pameran haiwan, yang mana beberapa jenis haiwan seperti lembu, ular, tikus dan burung dipamerkan.

Pengunjung juga diberi peluang untuk memegang atau membiarkan seekor ular sawa membelit mereka oleh petugas pameran berkenaan.



SEBAHAGIAN barang keperluan dijual di khemah Jualan Rahmah Madani pada Program Madani Rakyat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor, Selangor semalam. - MINGGUAN/MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

SEKALI lagi Malaysia dijangka berdepan dengan cuaca panas dan kering berbanding keadaan normal terutama di bahagian Utara Semenanjung, Sarawak dan Sabah sekurang-kurangnya hingga penghujung April ini akibat daripada fenomena El Nino.

Artikel ini bertujuan berkongsi maklumat kepada umum berkaitan fenomena ini dan kesannya di Malaysia.

Ramai yang mungkin beranggapan fenomena El Nino adalah sebahagian daripada perubahan iklim yang disebabkan oleh pengaruh manusia meningkatkan gas-gas rumah hijau di atmosfera.

Tanggapan ini sebenarnya tidak benar. Fenomena El Nino adalah sebahagian daripada keragaman iklim semula jadi iaitu walaupun tanpa peningkatan gas-gas rumah hijau, fenomena ini tetap akan berlaku.

Bagaimanapun, fenomena ini dari segi kekerapan dan intensitinya berkemungkinan dipengaruhi oleh perubahan iklim dan pemanasan global akibat peningkatan gas-gas rumah hijau. Begitu juga dari segi kesannya.

Contohnya, El Nino yang berlaku 50 tahun lalu dari segi impaknya mungkin kurang kuat berbanding El Nino pada masa kini.

Suhu dunia pada ketika ini (termasuk di Malaysia) telah meningkat sekurang-kurangnya 1°C lebih tinggi berbanding 50 tahun lalu akibat pemanasan global. Ini pastinya menjadikan impak El Nino masa kini menjadi lebih parah berbanding fenomena terdahulu.

Bagaimana fenomena El Nino berlaku? Apakah penyebabnya? Secara ringkas diterangkan bahawa sistem iklim dunia mempunyai sifat-sifat atau mod keragaman iklim tertentu yang mempunyai kecenderungan berulang.

Mod paling utama keragaman sistem iklim dunia adalah yang dipanggil sebagai El Nino - Ayunan Selatan atau El Nino - Southern Oscillation (ENSO).

Mod keragaman iklim ini tercetus akibat daripada interaksi gandingan lautan - atmosfera di Lautan Pasifik. Gandingan atmosfera - lautan ini bermakna perubahan di lautan akan mempengaruhi atmosfera dan di sebaliknya. Fasa panas ENSO adalah El Nino dan fasa sejuk adalah La Nina.

El Nino dicirikan dengan peningkatan suhu permukaan laut dan fenomena ini kebiasaannya muncul pada

Fenomena El Nino: Jangkaan kesannya kepada Malaysia



DALAM tempoh kini hingga penghujung April, Malaysia terutama Sabah, Utara Sarawak dan Utara Semenanjung Malaysia akan berdepan cuaca yang kering dan panas. - MINGGUAN/SADDAM YUSOFF

Jun atau Julai dan terus berkembang dan memuncak pada hujung tahun dan bermula Januari tahun berikutnya fenomena El Nino mula menurun dan keadaan di Lautan Pasifik kembali kepada keadaan normal.

Seterusnya berkemungkinan akan menjadi lebih sejuk dan sistem atmosfera bertukar kepada fasa La Nina yang akan berkembang hingga ke hujung tahun dan beberapa bulan tahun berikutnya.

Sejak 1950, lebih 20 kali El Nino pelbagai kategori telah berlaku. Begitu juga La Nina.

Perubahan sistem atmosfera - lautan di Lautan Pasifik berkait dengan fenomena El Nino dan La Nina akan merubah corak iklim peredaran atmosfera global dan menyebabkan keragaman iklim di seluruh pelosok dunia dan bukan hanya di Lautan Pasifik di mana fenomena - fenomena ini berlaku.

Di rantau Asia Tenggara, termasuk Malaysia dan Indonesia impak fenomena - fenomena ini ketara.

Bagaimanapun, berbanding Malaysia, impak lebih teruk di Indonesia.

“Perubahan sistem atmosfera - lautan di Lautan Pasifik berkait dengan fenomena El Nino dan La Nina akan merubah corak iklim peredaran atmosfera global dan menyebabkan keragaman iklim di seluruh pelosok dunia dan bukan hanya di Lautan Pasifik di mana fenomena - fenomena ini berlaku.”

El Nino berlaku di Lautan Pasifik akan menyebabkan pencapahan kelembapan dari rantau Asia Tenggara dan menyebabkan keadaan yang lebih kering dan panas.

Bagaimanapun, keadaan ini bergantung kepada musim sepanjang fenomena El Nino berlaku dan kesan lebih ketara jika El Nino adalah dalam kategori ekstrem seperti El Nino 1997/98, 2015/2016.

Di peringkat awal fenomena El Nino pada bulan-bulan Jun hingga September, kawasan Sumatera dan Kalimantan Indonesia kebiasaannya akan mengalami kemarau teruk dan ini menjelaskan mengapa kebiasaannya kebakaran hutan dan jerebu rentas sempadan berlaku pada bulan-bulan ini.

Pada bulan-bulan ini, Sabah dan Sarawak dan juga sebahagian kawasan di Semenanjung menerima impak tetapi tidak seteruk di Indonesia.

Menjelang penghujung tahun dan beberapa bulan dari Januari hingga April tahun berikutnya dalam fasa penurunan episod ini bahagian Utara Sarawak,

Sabah dan Utara Semenanjung biasanya akan mengalami keadaan kering dan panas.

Gelombang haba dengan suhu melebihi 35°C akan mudah berlaku pada ketika ini. Semasa fenomena La Nina, keadaan seperti terbalik.

Keadaan suhu permukaan laut yang sejuk di Lautan Pasifik mengukuhkan angin timuran dan menyebabkan penumpuan kelembapan ke rantau Asia Tenggara dan menjadi pemangkin kepada pelbagai keadaan cuaca ekstrem termasuk banjir. Banjir teruk yang berlaku di Selangor pada Disember 2021 lalu berlaku semasa episod La Nina.

Kejadian El Nino sendiri ada keragaman dan perbezaan dan satu episod ke episod lain. El Nino 2023/2024 kali ini agak unik.

Ramalan yang dikeluarkan oleh pusat ramalan iklim di Amerika Syarikat dan Korea tahun lepas menunjukkan ia berkategori antara sederhana dan kuat.

Bagaimanapun, penceraian terkini yang dikeluarkan oleh Pusat Ramalan Iklim di Amerika Syarikat menunjukkan peningkatan suhu permukaan laut di Lautan Pasifik melebihi 3°C hampir menyamai fenomena El Nino 2015/2016.

Maka, El Nino 2023/2024 ini juga mungkin boleh dikategorikan sebagai El Nino ekstrem.

Walaupun pusat-pusat ramalan El Nino meramalkan El Nino ini dalam proses fasa penurunan dan keadaan di Lautan Pasifik akan kepada normal pada Mei 2024, dalam tempoh ini sehingga penghujung April Malaysia terutama Sabah, Utara Sarawak dan Utara Semenanjung Malaysia akan berdepan cuaca kering dan panas dengan kemungkinan tinggi berlakunya gelombang haba.

Dalam tempoh ini orang ramai perlu memberi perhatian kepada ramalan cuaca harian yang dikeluarkan oleh MetMalaysia, mengurangkan aktiviti luar rumah semasa tengah hari dan petang, mengelakkan pembakaran terbuka terutama di kawasan tanah gambut.

PENULIS ialah Pakar klimatologi dan bekas profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wadah Pembaharuan
BH
AHAD
Diterbit sejak 1957

25 Februari 2024 | 15 Syaaban 1445 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

King Sing dakwa KP Tourism Malaysia hanya diturun pangkat kerana tak capai KPI, Dr Ammar dakwa menteri pecatnya

3 syor tangani isu harga beras

Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) kelmarin yang ditunggu-tunggu ramai pihak, membincangkan sekurang-kurangnya tiga syor dalam usaha menangani isu bekalan dan harga Beras Putih Tempatan (BPT) sebelum ia dimuktamadkan pada 20 Mac seperti diarahkan Perdana Menteri.

L eksklusif

FAIZA EMAS

- » Menggunakan stok penimbal beras negara yang ketika ini melebihi 290,000 tan untuk stabilkan harga, bekalan
- » Melaksanakan pemberian subsidi bersasar
- » Meneruskan harga beras RM26 karpit 10kg dan beras ikut gred berdasarkan kandungan beras hancur

Oleh Fahmy A Rosli → Nasional 2

Guna stok penimbal stabilkan bekalan, harga beras tempatan

Kerajaan disaran memanfaatkan bekalan untuk kecemasan pada kadar berpatutan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya tiga syor dibentang pada Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) kelmarin untuk menangani polemik berkaitan harga dan bekalan beras putih tempatan.

Sumber memberitahu, antara syor dibentang ialah penggunaan stok penimbal beras negara yang ketika ini melebihi 290,000 tan bagi membantu menstabilkan harga dan bekalan beras putih tempatan dalam pasaran.

Walaupun kegunaan stok penimbal tertakluk pada tempoh kecemasan sahaja, sumber memberitahu terdapat kewajaran kerajaan mempertimbangkan cara itu.

Saiz stok penimbal beras ditentukan berdasarkan keupayaan negara mengurus, memulihara, menyelenggara dan mengekalkannya pada kadar ditetapkan kerajaan.

Menurut sumber, stok penimbal beras tidak pernah digunakan pada waktu kecemasan, termasuk ketika negara menghadapi penularan COVID-19 yang menyekat banyak aktiviti perdagangan dan ekonomi.

"Mengapa tidak guna stok pe-

Eksklusif

nimbai beras pada waktu ini?

"Kalau dikatakan ia cuma khas untuk tempoh kecemasan, tetapi sepanjang pandemik COVID-19 sehingga kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ada saja bekalan beras dalam negara.

"Sepanjang tempoh itu menyaksikan pelbagai aktiviti disekat dan dihadkan termasuk ekonomi dan perdagangan, tidak pula negara berdepan isu bekalan beras. Kerajaan tidak pula guna stok penimbai beras pada waktu itu?"

"Lagi pun, bukan guna semua stok berkenaan. Mungkin kerajaan boleh pertimbangkan untuk gunakan sedikit bagi menstabilkan harga dan bekalan BPT dalam pasaran negara ketika itu," katanya kepada BH, semalam.

Pemberian subsidi bersasar

Sumber itu menambah, syor lain pula adalah kerajaan mempertimbangkan pemberian subsidi bersasar bagi pembelian beras.

"Menerusi subsidi bersasar diharapkan ia dapat mengekalkan harga RM26 bagi kimpit 10 kilogram (kg). Namun, ia bukan untuk semua golongan kerana harga itu selepas ini mungkin dinikmati golongan tertentu yang melepasi tapisan PADU (Pangkalan Data Utara).

"Terdapat beberapa langkah dicadangkan untuk pemberian



Tiga syor dibentangkan kepada mesyuarat NACCOL untuk menangani polemik berkaitan harga dan bekalan beras Tempatan.

subsidi bersasar beras. Ada syor ia disalurkan dalam bentuk pemberian wang terus kepada golongan sasaran atau dalam mekanisme lain yang perlu ditetapkan bagi menangani sebarang isu berbangkit," katanya.

Bagaimanapun, sumber memberitahu untuk melaksanakan pemberian subsidi bersasar mungkin memerlukan masa kerana data terbabit kena bersandarkan sistem PADU.

"Itu mungkin satu cadangan yang baik, tetapi memerlukan masa kerana perlu merujuk PADU. Tambahan pula, pendaftaran untuk PADU pun masih berlangsung," katanya.

Syor lain yang diketengahkan

menterian, Mesyuarat Khas NACCOL itu turut dihadiri Gabenor Bank Negara, wakil industri, wakil pengguna, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik yang merupakan anggota NACCOL.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diminta mengetuai dan menyelaras sesi libat urus mengenai isu padi dan beras secara lebih terperinci dan sesegera mungkin.

Katanya, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pandangan semua pihak, termasuk beberapa wakil industri dan NGO yang mewakili pesawah serta pengilang bagi memastikan ketersediaan beras pada harga yang munasabah kepada rakyat.

Beliau berkata, libat urus tersebut perlu mengambil kira harga belian padi, faktor bekalan, harga beras import dunia, kemampanan bekalan beras tempatan serta kesan kepada pengguna sebelum ia dibentang dan dimuktamadkan pada Mesyuarat NACCOL pada 20 Mac ini.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, kerajaan belum membuat ketetapan untuk mewujudkan satu gred beras putih sahaja di negara ini, yang dikenali sebagai Beras Putih Malaysia MADANI.

Katanya, sebarang pengumuman atau ketetapan yang dibuat, mesti berpandukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) serta dimaklumkan kepada Jemaah Menteri.

ialah sementara kerajaan meneruskan harga RM26 bagi 10kg beras untuk golongan tertentu, pilihan harga beras yang lain mengikut gred juga dikekalkan di pasaran.

"Kerajaan boleh mengeluarkan beras tempatan mengikut gred berdasarkan peraturan beras hancur seperti dikeluarkan sebelum ini bagi membantu golongan kurang berkemampuan," katanya.

Sebelum ini, pengguna menikmati pelbagai harga mengikut gred seperti beras 15 peratus hancur, 10 peratus hancur dan lima peratus hancur.

Selain Menteri, Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha ke-

Harga RM30 sekampit ambil kira 'situasi menang-menang'

Kuala Lumpur: Datuk Syed Abd Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal semalam menjelaskan, harga Beras Putih Malaysia MADANI pada kadar RM30 bagi kimpit 10 kilogram (kg) seperti diumumkan baru-baru ini, dibuat berdasarkan tanggungjawab menyeluruh yang dicapai bersama kalangan pemain industri.

Pengerusi Jawatankuasa Menanganl Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) itu berkata, harga disyorkan itu adalah ideal dengan keadaan ekonomi semasa.

Jelasnya, harga berkenaan turut dipersetujui pemain industri padi dan beras yang beliau


sendiri temui.

Dengan persetujuan itu, baru beliau membuat pengumuman Beras Putih Malaysia MADANI selaku kategori tunggal bagi beras putih untuk mengganti kategori beras putih tempatan dan import di pasaran negara ini.

Tambahnya, harga berkenaan dicapai mengambil 'situasi menang-menang' yang dilihat tidak membebankan rakyat dan pemain industri yang turut memperoleh sedikit keuntungan daripada pendekatan itu.

"Harga yang ditetapkan itu dibuat berdasarkan *comprehensive responsibility* antara kerajaan dan juga pemain industri

“Harga itu turut dipersetujui pemain industri padi dan beras yang saya sendiri temui”



Syed Abd Hussin
Hafiz Syed
Abdul Fasal,
Pengerusi
NACCOL

yang merangkumi pesawah, pengilang, pemborong dan peruncit.

"Jika diikutkan memang sekarang sukar untuk beli beras 10kg pada harga RM26 kerana harganya sudah naik. Jadi, saya rasakan RM30 ini adalah paling ideal untuk rakyat dan buat pemain industri. Ia tidak naik begitu ketara.

"Bagaimanapun, dengan peningkatan daripada RM26 kepada RM30, kadarnya tidak membebankan rakyat dan untuk pemain industri pula, paling tidak mereka dapat sedikit margin (keuntungan) walaupun kecil sekitar 50 sen hingga RM1," katanya kepada BH.

Pengumuman Syed Abd Hussin yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang daripada BERSATU berhubung harga beras putih Malaysia MADANI bagi menggantikan beras putih tempatan dan beras putih import itu mencetuskan persoalan ramai, termasuk dalam kalangan pemain industri peruncitan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan baru-baru ini, menjelaskan kerajaan belum memutuskan pengenalan satu gred beras putih dikenali beras putih Malaysia MADANI seperti diumumkan Syed Abd Hussin.



Siti Kamariah (kiri) memberikan penerangan tentang penggunaan teknologi dron dalam industri padi kepada pengunjung.



Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Kontrak Pemasaran, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Muhamad Azreen Abdul Jalil (dua dari kanan) melayan pengunjung yang membeli beras tempatan pada Jualan Agro dan Madani.

Kerajaan sedang giat perluas Program SMART SBB ala Sekinchan ke seluruh negara

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR
KUALA SELANGOR

Gelombang Padi diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada Januari lalu merupakan satu *game changer* yang bakal mentransformasi industri padi dan beras pada masa depan.

Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM, Dr Siti Kamariah Ghazali berkata, inisiatif tersebut akan mengangkat industri padi dan beras negara ke suatu tahap yang lebih cekap dan berdaya tahan, seterusnya meningkatkan pendapatan pengeluaran makanan di sepanjang rantaian makanan.

Menurutnya, Gelombang Padi merupakan hala tuju baharu bagi menangani pelbagai cabaran yang dihadapi industri padi dan beras sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Antara cabaran yang dihadapi termasuklah dari segi input pertanian, tanah, pengurusan air, dan peningkatan produktiviti pengeluaran padi," katanya ketika ditemui pada Program Madani Rakyat (PMR) di Kompleks Sukan Kuala Selangor di sini pada Sabtu.

Siti Kamariah berkata, terdapat 12 inisiatif yang dirangka di bawah Gelombang Padi termasuk penekanan pada dasar baharu insentif benih padi sah, memulihkan tanah jerlus, memperkasa pembekalan input pertanian dan memperkukuh pengurusan air ke kawasan tanaman padi.

"Inisiatif lain adalah termasuk memperluas pelaksanaan Program SMART Sawah berskala besar (SMART SBB) ala Sekinchan, memperluas pelaksanaan program lima musim dua tahun, memperkenalkan kaedah pembayaran belian padi secara dalam talian, mengurangkan kehilangan hasil lepas

tuai, membangunkan sistem bersepadu (SMART Padi), membangunkan sistem soil profiling, memperkasa penanaman padi bukit dan padi huma di Sabah dan Sarawak dan peluasan kawasan baharu jelapang padi," jelas beliau.

Beliau berkata, pada masa ini kerajaan sedang giat memperluas pelaksanaan Program SMART SBB ala Sekinchan ke seluruh negara.

Ujar beliau, pelaksanaan Program SMART SBB merupakan pengurusan sawah yang lebih sistematik bermatlamat meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi serta beras negara.

Ujarnya, model SMART SBB ala Sekinchan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi dan amalan terbaik penanaman padi dari Sekinchan untuk diaplikasi ke kawasan lain.

"Tumpuan pelaksanaan pada masa ini adalah di kawasan jelapang padi yang mempunyai infrastruktur pengairan dan saliran lengkap bagi memastikan pulangan hasil yang tinggi, sekali gus meningkatkan pendapatan pesawah.

"Di luar kawasan jelapang kita menghadapi kekangan dari segi kekurangan infrastruktur pengairan, saliran, perpartan dan sebagainya, namun pelaksanaan akan diperluas berperingkat," katanya.

Menurut Siti Kamariah, KPKM menyediakan garis masa bagi pelaksanaan inisiatif yang dirangka dan menyasarkan pelaksanaan penanaman padi menerusi Program SMART SBB sehingga 150,000 hektar menjelang 2030.

Selain itu katanya, KPKM giat menangani isu berkaitan penyakit padi dan turut menjalin kerjasama agensi teknikal seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi menjalankan kajian untuk menghasilkan varieti benih padi berkualiti tinggi dan rentan penyakit.

"Varieti padi seperti MR297 dan

Gelombang Padi tingkat industri, pendapatan



Maturuni (kiri) menerangkan teknik tanam aeroponic kepada pengunjung yang mengunjungi reruai BFKLP ketika PMR di Kompleks Sukan Kuala Selangor pada Sabtu.

MR315 masih popular dalam kalangan pesawah, sementara MARIA (MRQ 103) merupakan varieti benih padi yang terkini yang dihasilkan oleh MARDI," katanya.

Justeru katanya, menerusi pengurusan sawah yang sistematik di bawah Program SMART SBB, sasaran hasil padi secara puratanya dapat ditingkatkan kepada 7 tan metrik berbanding purata nasional ketika ini iaitu 3.577 tan metrik per hektar.

Sementara itu, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) KPKM, Maturuni Tukiman berkata, orang ramai terutama belia berusia dari 18 hingga 25 tahun yang ingin melanjutkan pelajaran dalam kemahiran boleh memohon di Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK).

Katanya, PLKPK menawarkan 10 bidang antaranya tanaman, pengeluaran padi serta ternakan ruminan dan poltri selain akuakultur marin dan air tawar.

"Selain itu, bidang pertanian ini turut juga ditawarkan teknologi perikanan

tangkapan, pemprosesan makanan, pemasaran dan penyelenggaraan jentera pertanian," jelasnya.

Tambahnya, 15 Pusat Bertauliah ditawarkan kepada pelatih yang mengikuti Program PLKPK antaranya di Kolej Pertanian Malaysia (KPM) di Bukit Tangga, Kedah; Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (KPSN) di Setiawan, Perak; Institut Pertanian Serdang (IPS), Selangor; Institut Pertanian Kuala Lipis (IPKL) di Pahang dan Institut Pertanian Bumbong Lima (IPBL) di Kepala Batas, Pulau Pinang.

Beliau berkata, belia berminat boleh memohon dengan hanya melakukan pendaftaran melalui Quick Response Code (QR Code).

"Program ini melibatkan dua tahun untuk Sijil Kemahiran Malaysia dengan tambahan setahun bagi Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang pertanian. Pelatih akan menerima yuran pengajian percuma, elaun RM200 hingga RM300 sebulan, makanan dan minuman serta penginapan disediakan," ujarnya.

